

DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [ RASAH ]**

**TARIKH : SELASA, 19 MEI 2015**

**SOALAN :**

**Tuan Teo Kok Seong [ Rasah ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan:-**

- (a) langkah susulan yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian terhadap Pusat Kualiti Alam, Bukit Nanas selepas berlakunya kebakaran di situ yang membimbangkan semua rakyat Negeri Sembilan pada 27 Februari 2015; dan
- (b) sebab Kementerian masih membenarkan Pusat Kualiti Alam terus beroperasi selama 15 tahun di Bukit Nanas walaupun dibantah oleh penduduk di situ.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selepas berlakunya kebakaran Pusat Pengurusan Sisa Buangan Terjadual Bersepadu Kualiti Alam Sdn.Bhd (KASB) pada 27 Februari 2015 yang lalu, pihak Kementerian melalui Jabatan Aiam Sekitar (JAS) telah pun melakukan pemeriksaan dan siasatan yang menyeluruh berkaitan kejadian kebakaran tersebut. Pihak KASB juga telah diarahkan untuk mengemukakan cadangan langkah-langkah pencegahan dan kawalan kebakaran dan dibincangkan bersama pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat. Langkah-langkah pencegahan dan kawalan yang telah dilaksanakan oleh pihak KASB antaranya adalah seperti berikut:

- i. Memasang sistem pengesan haba dan asap di kawasan penstoran buangan terjadual yang diselaraskan dengan sistem penggera sedia ada; dan
- ii. Mengadakan dinding pemisah dan pemetakan antara buangan terjadual yang berbeza-beza.

Antara langkah-langkah kawalan yang sedang dilaksanakan oleh KASB dalam mencegah dan mengawal risiko kebakaran daripada berulang pula adalah seperti berikut:

- i. Mewujudkan pasukan pemadam api yang mendapat latihan dari BOMBA;
- ii. Menambah baik prosedur kecemasan sedia ada;
- iii. Menambah baik SOP dan prosedur kerja sedia ada sebagai langkah pencegahan agar kejadian serupa tidak berulang; dan
- iv. Melengkapkan sistem kamera litar tertutup sedia ada dengan alat pengesanan peningkatan haba dan juga penggera automatik bagi pengesanan awal potensi akan berlakunya kebakaran.

Manakala, langkah-langkah pencegahan dan kawalan yang akan diambil oleh KASB adalah seperti berikut:

- i. Menambah dan meningkatkan peralatan baru dan peralatan tambahan melawan kebakaran antaranya menyediakan jentera pemadam api dan mengadakan "*fire station*" "*in-house*"; dan

- ii. Membina struktur bangunan penstoran baru berbumbung sepenuhnya yang dilengkapi dengan *roof top sprinkler* bagi mengawal suhu di dalam stor buangan terjadual.

JAS sedang memantau rapi pelaksanaan cadangan langkah-langkah pencegahan dan kawalan kebakaran yang telah dipersetujui.

- b) Pihak Kementerian masih membenarkan Kualiti Alam Sdn. Bhd. (KASB) terus beroperasi di Bukit Nanas di atas faktor-faktor berikut:-

- i. KASB adalah merupakan satu-satunya Pusat Pengurusan Sisa Buangan Terjadual Bersepadu yang mempunyai "*state of the art*" teknologi di Semenanjung Malaysia yang menguruskan sisa buangan terjadual (*scheduled waste*);
- ii. KASB juga mematuhi standard antarabangsa dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar. KASB mendapat persijilan ISO 9001, ISO 14001, OHSAS 18001 dan MS 1722 *Version* 2011; dan

- iii. Lokasi KASB adalah mematuhi kriteria yang telah ditetapkan di dalam "*Guidelines for the Siting and Zoning for Industry and Residential Areas*" terbitan Jabatan Alam Sekitar, 1976. KASB telah mula beroperasi pada tahun 1995 iaitu sebelum kawasan perumahan pertama yang berhampiran dengan lokasi KASB dibina. Walaupun demikian, lokasi KASB dari kawasan perumahan terdekat masih mematuhi jarak minimum zon penampungan primer yang telah ditetapkan untuk peletakan kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual, iaitu sejauh 800 meter. Selain itu, pemilihan tapak tersebut adalah paling sesuai dan optimum dari kawasan perindustrian pada masa itu.

Sekian, terima kasih.